



Saifuddin bersama Timbalan Menteri, Chong Chien Jen, Ketua Setiausaha, Datuk Muez Abd Aziz (kanan) dan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil melancarkan minyak masak jenama Lestari ketika merasmikan Majlis Penutupan i-Keep di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Khairul Azhar Ahmad/BH)

‘Boikot tak bawa faedah’

Rakyat saling bergantung satu sama lain, baik kelemahan jika ada

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan memboikot barang keluaran bukan Bumiputera yang dilakukan pihak tertentu tidak membawa faedah kepada rakyat yang saling bergantung antara satu sama lain.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata apa yang perlu dilakukan ialah setiap rakyat memanfaatkan kekuatan dan membaiki kelemahan, jika ada.

“Saya nasihat pihak lain untuk

tidak bangkitkan isu boikot, kita (rakyat semua kaum) bergantung antara satu sama lain di mana ada kekuatan kita memanfaatkan manakala kelemahan kita baik, ‘jalan’ dia bukan cara boikot.

“Kita perlu saling menghormati, membantu dan memahami antara sama lain termasuk dalam urusan ekonomi yang juga adalah kunci kemakmuran negara,” katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Penutupan Karnival Jualan Inisiatif Kedai Ekonomi Penggunaan (i-Keep).

Bagaimanapun, Saifuddin berkata, kementerian tidak menerima laporan berhubung tindakan boikot itu atau kesan kepada harga barang tertentu.

Malah, katanya, pertemuannya dengan beberapa wakil pemborong, peruncit, persatuan dan pertubuhan perniagaan sebelum ini yang membabitkan pelbagai kaum tidak menyentuh langsung isu boikot itu.

Sebaliknya, katanya, perte-

muan itu membincangkan soal dasar dan persaingan untuk kepentingan rakyat berbilang kaum di negara ini.

“Pihak terbabit turut dianggotai semua kaum, tidak sebut isu boikot, kita bincangkan mengenai perkara dasar, persaingan untuk meningkatkan kualiti barangan di negara ini.

Beliau diminta mengulas tindakan sesetengah pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) yang melancarkan kempen memboikot barang bukan Bumiputera menerusi media sosial sejak beberapa minggu lalu.

Semalam, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng meminta PAS dan UMNO mengemukakan tindakan boikot itu jika kedua-dua parti berkenaan tidak memusuhi bukan Melayu dan bukan Islam.

Guan Eng juga berkata, kempen itu menghalang perpaduan nasional dan boleh menyebabkan pengguna rugi kerana memboikot produk yang lebih murah dan berkualiti.

Pada Jumaat lalu, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad juga ketika ditanya wartawan berkaitan perkara itu berkata tindakan memboikot tidak sepatutnya berlaku.

“Mungkin ada orang yang cetek fikiran buat benda macam itu, tetapi tak berkesan, buat apa? Boikot ini satu senjata yang tak berkesan, cuma timbulkan kemarahan saja. Jangan boikot barang sesiapa pun, sama ada barang Bumiputera atau bukan Bumiputera,” kata Perdana Menteri.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin berkata, kertas kerja membabitkan pelaksanaan subsidi petrol bersasar sudah siap sepenuhnya dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet dalam tempoh terdekat.

“Kita akan bantangkan kertas kerja dalam masa terdekat.

“Kementerian masih tunggu giliran (untuk bentangkan kertas kerja), setiap kementerian mempunyai gilirannya untuk bantangkan kertas kerja masing-masing,” katanya.